

Sabtu, 22 Februari 2020 | 5:04pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (dua dari kanan) melihat sayur-sayuran selepas merasmikan Pasar Raya Desa Segar di Savanna Lifestyle Retail, Southville City. - NSTP/Luqman Hakim Zubir

Belum ada aduan peniaga terjejas

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

DENGKIL: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) belum menerima sebarang aduan daripada peniaga di Johor Bahru yang terjejas susulan Kementerian Kesihatan Singapura mengumumkan Notis Jangan Keluar Rumah (SHN) untuk rakyat negara itu sebagai langkah pencegahan penularan COVID-19.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata notis SHN itu baru sahaja dikeluarkan kerajaan Singapura dan sesuatu keputusan itu sememangnya memberi impak kepada semua pihak.

Katanya, kira-kira 400,000 pekerja Malaysia dan warga republik itu berulang-alik untuk bekerja juga masuk membeli-belah di pasar raya di Johor Bharu, dan ia menimbulkan menimbulkan keimbangan berikutnya kes penularan COVID-19 di negara berkenaan yang semakin meningkat.

"Kerajaan akan mengkaji dan mencari jalan bagi mengatasi hal ini supaya peniaga tidak terjejas dan menanggung kerugian," katanya ketika merasmikan Pasar Raya Desa Segar di Southville City, di Dengkil, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Best and Kwik Mart Sdn Bhd, Datuk Norizan Bakar.

Semalam, media melaporkan Kementerian Kesihatan Singapura mengumumkan SHN untuk rakyat negara berkenaan dan pemegang pas jangka panjang yang kembali ke Singapura dari China dalam tempoh dua minggu lalu.

SHN mensyaratkan semua orang perlu berkurng dalam rumah pada setiap masa selama 14 hari berkuatkuasa dari jam 11.59 malam (waktu tempatan) malam ini termasuk mereka yang mempunyai sejarah perjalanan ke wilayah Hubei baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata, kerajaan menyokong pembukaan peruncitan seperti dijalankan Best and Kwik Mart Sdn Bhd, selaras dengan hasrat kementeriannya bagi melahirkan lebih ramai usahawan dan peruncit berskala kecil dan sederhana bagi memberikan pilihan kepada pengguna.

